

16 SEP 1996

AGONG UCAP TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN PAPUA NEW GUINEA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menyampaikan ucapan tahniah kepada Gabenor-Jeneral Papua New Guinea Sir Wiwa Korowi dan rakyatnya sempena sambutan ulangtahun Hari Kemerdekaan Papua New Guinea hari ini.

Seri Paduka yakin hubungan persahabatan yang erat antara Malaysia dan Papua New Guinea akan dapat diperkukuhkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Sir Julius Chan, berharap hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara akan terus meningkat maju.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Kilroy Genia yakin perhubungan mesra yang dinikmati oleh kedua-dua negara akan diperkukuhkan lagi pada masa akan datang. -- BERNAMA

SBS AKD